

22/06/2003

Umno bersungguh-sungguh memelihara bangsa, watan

Elak berebut jawatan dalam parti bagi menghindari perpecahan

Maknanya - pada persepsi saya - terserlah iaitu, pencapaian (sukses) parti pemerintah kalau salah menggunakannya memungkinkan kekalahan seperti

yang berlaku di Kelantan dan Terengganu. Sukses menjadi musuh Umno dan yang menggagalkan Umno.

Maka, elakkan berebut jawatan kerana - walaupun itu lumrah, halal dan prinsip demokrasi yang ulung - ia lazimnya menjadi punca perpecahan dan kalau terburuk ke serpihan pula. Ancaman masa depan bangsa dan agama dan watan kita banyak dan mungkin berlaku segera. Musuh Melayu dan Islam berselerak di dalam dan luar negara apa lagilah. Jangan bagi peluang dan ruang untuk mereka masuk (seperti syaitan) menggoda kemurnian cita-cita dan matlamat bangsa kita yang termulia - menjadi satu bangsa yang maju, sebagai contoh, kepada orang lain bahawa Melayu dan Islam juga mampu mendapat kemenangan dalam dunia.

Kenapa Umno menjadi sasaran dari dalam dan luar seharusnya tidak menghairankan sesiapa pun. Di mana Parti Kongres India, Liga Muslim (di Pakistan), Parti Nasionalis Indonesia (terbaru Golkar) kini? Umno mesti diselamatkan dari menjadi kesudahannya seperti parti-parti yang satu masa

dulu gergasi dan pemerintah negara masing-masing. Umno bukan sebarang parti - ia telah menyelamatkan bangsa Melayu dan agama Islam di ambang kedua-dua berada di hujung tanduk 57 tahun dulu.

Sejarah terpenting tetapi ramai pula tidak membaca dan menghayatinya. Satu bangsa yang tidak belajar dari sejarah, lambat laun bangsa itu akan hancur kerana imej sesuatu bangsa itu terserlah daripada sejarahnya.

Baca

sejarah Eropah dan keturunan mereka (iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Eropah, Britain, Australia dan New Zealand). Seperti ditegaskan oleh Dr Mahathir, satu sejarah penjajahan, penaklukan, mengejar kemakmuran dan mereka kini gagah, terunggul; besar kemungkinan mereka akan mencontohi kelakuan nenek moyang mereka terdahulu. Sudah pun berlaku di Iraq baru-baru ini.

Kita wajib berhati-hati dengan Orang Eropah (bahkan dengan bangsa lain pun) kejar dan teladani yang baik dan jauhi yang mungkar. Belajar daripada

mereka untuk memperkasakan kita daripada dijajah semula! Berwaspadalah Melayu! Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak - (Malaysia) adalah bagai anak dara yang cantik, kaya, terpelajar dan berpotensi. Siapa tidak

ingin memeluk dan menikahnya?

57 tahun dulu British mahu hapuskan Tanah Melayu! Hanya 40 tahun dulu

-

setahun selepas Malaysia tertubuh, usaha-usaha telah dilakukan mahu menghancurkan Malaysia melalui pemisahan Sabah dan Sarawak, sebelum perpisahan Singapura dan selepasnya usaha ke arah itu diteruskan juga. Kita mesti ingat Sabah masih dituntut oleh Filipina. Kalaupun Manila tidak

bising tetapi mereka tidak menggugurkannya, hanya tidak diketengahkan kerana pelbagai sebab di luar topik makalah ini.

Amerika Syarikat, kepala negara-negara bertamadun Judeo - Kristian (yakni Yahudi dan Kristian) kini amat mesra dan berkongsi matlamat politik

dan keselamatan dengan empat negara jiran kita. Setiap negara berdaulat menjalankan apa jua dasar luarnya tetapi kerana kita satu kuasa yang terkecuali dari negara jiran terdekat kita harus lebih bersatu padu, bercermat dan perkasakan diri bagi menghindari dan menangani bala yang terancang musuh-musuh kita!

Dalam rencana pengarang NST (Jumaat, 20 Jun 2003) saya telah menulis selepas Oktober (sebenarnya, selepas November pula) tugas mega Datuk Seri

Abdullah Ahmad Badawi adalah untuk memperkukuhkan perpaduan dalam parti dan negara, menutup lubang-lubang dan memadamkan sekam yang mungkin jadi punca dan potensi pertikaian yang akan melemahkan perjuangan parti. Saya tidak ragu-ragu Abdullah ada "political will" untuk melakukan sesuatu bagi kebaikan dan keselamatan bangsa, agama dan negara. Abdullah terkenal

sebagai seorang yang bertindak secara konsensus maka dia tidak akan melakukan sesuatu yang boleh dilihat sebagai tidak bijak, tergopoh jauh lagi sebagai membalas dendam. Abdullah bukan jenis itu (saya mengenalinya

dari agak dekat juga), maka ahli dan pemimpin Umno di semua lapisan wajib

mendukung ketua mereka yang baru ini dan bersama-samanya dalam pelayaran ke destinasi politik, ekonomi, sosial dan pendidikan yang lebih baik dan cemerlang dari sekarang.

Tetapi ingatlah pula wahai bangsaku: Janganlah mengharap tamadun dan

pencapaian Dunia Pertama dengan usaha, bayaran, pendekatan dan minda Dunia

Ketiga. Dalam loghat Kok Lanas - jangan harap berjaya semata-mata kerana mempunyai idaman. Kita harus bekerja keras untuk mencapainya. Semua orang

cerdik dan yang membezakan antara mereka ialah hard work - rajin dan